



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**4 - 6 APRIL 2026 (SABTU - ISNIN)**

## Permintaan Perlahan, Harga Haiwan Korban Naik

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH  |
|--------------|---------|------------|---------|
| Harian Metro | Lokal   | 7          | 6 April |

**Kuala Lumpur:** Umat Islam yang bakal menyambut Aidiladha tidak lama lagi dijangka berdepan dengan kenaikan harga haiwan ternakan susulan peningkatan kos operasi yang ditanggung oleh pengusaha.

Konflik di Asia Barat memberi kesan kepada pasaran minyak global selain kenaikan harga diesel tempatan menjadi punca utama rantaian bekalan termasuk makanan haiwan turut terjejas.

Pengusaha haiwan ternakan di Banting, Muhammad Khafe Sailan, 38, berkata, kenaikan harga tidak dapat dielakkan kerana hampir keseluruhan operasi kandang bergantung kepada penggunaan diesel.

"Pangangkutan antara komponen kos terbesar, bermula daripada proses mengambil bekalan maka-

### SAMBUTAN AIDILADHA


## Permintaan perlahan, harga haiwan korban naik

nan hingga ke penghantaran ternakan kepada pelanggan.

"Kos minyak naik, jadi kos operasi pun naik. Kebanyakan operasi kandang membabitkan penggunaan diesel, seperti mengisi minyak lori untuk pengangkutan rumput napier dan membeli dedak.

"Malah, untuk mencuci kandang juga kami menggunakan pam air yang dioperasikan dengan enjin diesel," katanya ketika dihubungi.

Mengulas mengenai trend permintaan tahun ini, Muhammad Khafe mengakui pasaran kelihatan sedikit perlahan berbanding tahun-tahun sebe-



MUHAMMAD Khafe di kandang ternakannya.

lumnya.

Walaupun tempahan awal masih diterima, ka-

tanya, faktor ekonomi semasa yang mencabar mungkin menyebabkan ra-

mai pelanggan lebih berhati-hati dalam merancang perbelanjaan ibadah korban mereka.

Dia berkata, apabila harga diesel melonjak secara mendadak, ia memberi kesan domino terhadap semua kos harian pengurusan ternakan.

"Bagi tahun ini, harga seekor lembu di pasaran bermula daripada RM5,500 hingga RM6,500 bergantung kepada saiz. Manakala bagi kambing pula, harga yang ditawarkan adalah antara RM1,200 hingga RM2,000 seekor. Kenaikan ini jelas dirasai memandangkan kos input yang semakin mahal.

"Bagi individu yang me-

milih untuk melaksanakan korban secara bahagian, harga bagi satu bahagian lembu kini mencecah RM850. Harga ini menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi membantu pengusaha menampung kos penjagaan haiwan yang semakin meningkat di pasaran.

"Jika dibandingkan dengan tahun lalu, harga lembu bermula daripada RM5,200 seekor, manakala kambing boleh didapati dengan harga sekitar RM1,000. Ini menunjukkan terdapat jurang kenaikan antara RM300 hingga RM500 bagi setiap ekor lembu untuk tahun ini," katanya.

## Lelaki Disyaki Dera Anak Kucing Di Dobi Layan Diri Ditahan JPV Selangor

| MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT   | TARIKH  |
|---------|---------|--------------|---------|
| BERNAMA | Am      | Dalam Talian | 3 April |



Kredit: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

SHAH ALAM, 3 April (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor menahan seorang lelaki disyaki mendera seekor anak kucing dalam kejadian di sebuah premis dobi layan diri sekitar Kajang dekat sini.

JPV Selangor dalam kenyataan memaklumkan penahanan lelaki dianggarkan berusia lingkungan 40-an itu dilakukan setelah pihaknya digerakkan ke lokasi kejadian sekitar 11 pagi tadi bagi

melakukan pemeriksaan.

Kenyataan itu memaklumkan ia berikutan maklumat serta aduan orang awam susulan penularan satu video di media sosial berdurasi 59 saat memaparkan seorang lelaki mendera seekor anak kucing dengan mencampakkan ke arah dinding serta ke atas sebuah tilam secara berulang kali.

Hasil pemeriksaan mendapati anak kucing dipercayai yang sama seperti di dalam video tular itu berada di lokasi

kejadian.

“Pemeriksaan lanjut pegawai mendapati orang yang disyaki (OYDS) turut berada di sekitar lokasi kejadian. “Pemeriksaan awal yang dijalankan mendapati OYDS dipercayai melakukan perbuatan itu antara 3.40 pagi sehingga 3.50 pagi semalam. Lelaki itu ditahan bagi siasatan lanjut dan permohonan reman dilakukan mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593),” menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, anak kucing yang dipercayai didera, satu telefon bimbit dan seutas tasbih dipercayai milik OYDS turut disita bagi pemeriksaan serta siasatan lanjut di bawah Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). -[BERNAMA](#)

PGA Sarawak Gempur Sempadan: Rampasan RM9.49 Juta  
Dalam 2 Minggu

| MEDIA    | RUANGAN  | MUKA SURAT   | TARIKH  |
|----------|----------|--------------|---------|
| My Metro | Mutakhir | Dalam Talian | 2 April |



Komander PGA Briged Sarawak, SAC Lim Bak Phai

Kuching: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak menggempur kegiatan penyeludupan dan penyelewengan di sempadan negeri ini membabitkan 21 siri kejayaan operasi dengan nilai rampasan keseluruhan mencecah RM9.49 juta sepanjang tempoh 16 hingga 31 Mac lalu.

Komander PGA Briged Sarawak, Senior Asisten Komisioner Lim Bak Phai berkata, kejayaan itu dicapai menerusi pelaksanaan Op Taring Alpha, Op Taring

Bravo, Op Taring Chiller serta Op Taring Batas/Awas yang dilaksanakan di beberapa lokasi strategik di seluruh Sarawak.

Beliau berkata, kejayaan terbesar dalam tempoh operasi itu, pihaknya menumpaskan satu aktiviti penyeludupan dadah berskala besar membabitkan rampasan 28 kilogram ketulan kristal disyaki methamphetamine serta 1,250 gram katrij vape disyaki mengandungi cecair dadah jenis ganja.

"Rampasan dadah itu dianggarkan bernilai RM1.58 juta dan dalam serbuan sama, dua lelaki warga Indonesia ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, kejayaan itu membuktikan komitmen berterusan PGA dalam membanteras aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan selain memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, selain kes dadah, operasi itu turut menumpaskan kegiatan penyelewengan dan penyeludupan pelbagai barang kawalan serta barangan tidak bercukai seperti diesel bersubsidi, gula kasar, minyak masak, produk sejuk beku, minuman keras dan rokok tanpa dokumen atau permit yang sah.

"Sindiket dikesan menggunakan premis, stor simpanan serta kenderaan bagi tujuan pengangkutan dan pengedaran, manakala beberapa individu warga tempatan serta warga asing turut ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kesemua tangkapan dan barang rampasan diserahkan

kepada agensi berkaitan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta IPD berkaitan untuk tindakan lanjut mengikut undang-undang berkuat kuasa," katanya.

Secara kumulatif, dalam tempoh keseluruhan operasi bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2026, PGA Briged Sarawak merekodkan 182 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM117.47 juta serta 168 tangkapan, membabitkan 127 warga tempatan dan 41 warga asing.-[MYMETRO](#)

## Man Detained After Disturbing Video Shows Kitten Abused At Kajang Launderette

| MEDIA     | RUANGAN | MUKA SURAT   | TARIKH  |
|-----------|---------|--------------|---------|
| The Vibes | News    | Dalam Talian | 4 April |



A MAN believed to be in his 40s has been detained by the Selangor Department of Veterinary Services (DVS) following public outrage over a viral video showing a kitten being repeatedly thrown against a wall and onto a mattress at a self-service launderette in the Kajang area.

The department said in a statement that its officers were called to conduct an inspection at about 11am yesterday after a 59-second video circulated widely on social media, prompting

complaints and concern from the public.

During the inspection at the premises, officers found a kitten believed to be the same animal seen in the video.

“Further checks by officers found that the suspect, a man in his 40s, was also present near the scene,” the statement said.

“Preliminary investigations indicated that the suspect is believed to have committed the act between 3.40am and

3.50am yesterday," the statement added.

The suspect was detained for further investigation and a remand application was submitted under Section 117 of the Criminal Procedure Code (Act 593).

The DVS also seized the kitten believed to have been abused, as well as a mobile phone thought to belong to the suspect, for further examination and investigation under Subsection 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772). - [THEVIBES](#)

## Man Detained Over Alleged Kitten Abuse In Kajang Laundrette

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT   | TARIKH  |
|-------|---------|--------------|---------|
| NST   | Nation  | Dalam Talian | 3 April |



SHAH ALAM: The Selangor Department of Veterinary Services (DVS) has detained a man suspected of abusing a kitten in an incident at a self-service laundrette in the Kajang area near here.

Selangor DVS said in a statement that the man, believed to be in his 40s, was detained after the department was deployed to the scene at about 11am today to conduct an inspection.

The statement said the action followed information

immediately.

"We urge members of the public who have any information related to the incident to come forward to assist with the investigation," she said in a statement today.

and public complaints after a 59-second video went viral on social media, showing a man abusing a kitten by repeatedly throwing it against a wall and onto a mattress at a self-service laundrette.

An inspection at the

premises found a kitten believed to be the same as in the viral video at the location.

"Further checks by officers found that the suspect, a man in his 40s, was also present near the scene.

"Preliminary investigations indicated that the suspect is believed to have committed the act between 3.40am and 3.50am yesterday," the statement said, adding that the man was detained for further investigation and a remand application was made under Section 117 of the Criminal Procedure Code.

An 18-second video went viral earlier on social media showing the cat being abused by two children, sparking outrage among netizens.

The video showed one child pulling a rope tied around.

Meanwhile, the kitten believed to have been abused and a mobile phone believed to belong to the suspect were also seized for further examination and investigation under Subsection 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015.-[NST](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR